



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

RONDA-RONDA PUTRAJAYA TARIKAN BAHARU PELANCONGAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 25 Februari 2020 – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim melancarkan produk pelancongan terbaharu Putrajaya iaitu Bas Ronda-Ronda Putrajaya dan buku *Bird Haven* (Unggas Putrajaya) bertempat di Dataran Putra, Presint 1.

Turut hadir bersama Pengarah Kanan Domestik dan Acara, Tourism Malaysia, YBhg. Dato' Ammar bin Abd. Ghapar dan Naib Presiden Perkhidmatan Korporat PPj, YBrs. En Kamaruddin Bin Dolmat.

Kedua-dua produk tersebut yang dilancarkan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020 merupakan sebahagian inisiatif pelancongan dan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh PPj. Lebih bermakna lagi, pelancarannya juga bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 dan Sambutan Jubli Perak Putrajaya yang disambut pada tahun ini.

Program Ronda-Ronda Putrajaya adalah tarikan baharu pelancongan Putrajaya yang menawarkan perkhidmatan lawatan berpandu kepada pelawat dan pelancong yang berkunjung ke bandar ini dengan menaiki bas khas yang disediakan menerusi kolaborasi di antara PPj dan syarikat Elang Wah Sdn. Bhd.

Keunikan Putrajaya bukan sahaja sebagai sebuah bandar raya taman bahkan ibarat sebuah muzium seni bina bandar yang menampilkan kepelbagaian reka bentuk binaannya yang bersifat ikonik.

Menerusi program Ronda-Ronda Putrajaya ini para pengunjung akan dapat menikmati keindahan panorama Putrajaya serta memperolehi informasi yang jelas berkaitan sesuatu produk ikonik yang dilalui dengan lebih selesa, mudah, cepat dan teratur, tanpa perlu memandu sendiri serta memikirkan laluan, mencari dan membayar tempat letak kenderaan, mencari sendiri maklumat produk dan sebagainya. Di antara tempat-tempat menarik yang menjadi laluan bas ini termasuk Bangunan Perdana Putra, Masjid Putra, bangunan-bangunan di sepanjang Persiaran Perdana, *Putrajaya International Convention Centre* (PICC), Istana Melawati, jambatan-jambatan ikonik, Tasik Putrajaya serta taman-taman awam.

Ronda-Ronda Putrajaya menyediakan bas bertingkat yang mesra orang kelainan upaya (OKU) berkapasiti 50 tempat duduk, dilengkapi dengan pelantar pemandangan terbuka di aras atas serta pemandu pelancong terlatih. Beroperasi dari jam 3.30 petang hingga 11.00 malam setiap hari dengan dua stesen bagi mengambil dan menurunkan penumpang iaitu di Dataran Putra, Presint 1 dan di Putrajaya Sentral, Presint 7. Bayaran yang dikenakan adalah RM18 untuk dewasa dan RM10 untuk

kanak-kanak bagi warganegara Malaysia, manakala bagi warganegara asing pula adalah RM28 untuk dewasa dan RM 20 untuk kanak-kanak.


Turut dilancarkan dalam majlis ini ialah buku *Bird Haven* (Unggas Putrajaya). Buku ini diterbitkan lanjutan daripada inisiatif menjadikan Putrajaya sebagai destinasi *urban birding* utama di negara ini sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 yang bertemakan eko pelancongan.

Keunikan Putrajaya sebagai sebuah bandar raya taman memiliki koleksi kepelbagaian flora dan fauna yang merupakan khazanah bernilai kepada negara. Berdasarkan kajian dan pemantauan yang dilaksanakan, Putrajaya menjadi habitat kepada 202 spesies burung yang dikenalpasti di beberapa buah taman awamnya.

Di antara spesies burung yang dikenalpasti termasuklah Ciak Tempua, Pucung, Belatok, Pekaka, Cekup, Merbok, Bangau, Kelicap, Pipit, Perenjak, Sawah, Tiong, Perling, Ruak-ruak dan But-but.

Burung Ciak Tempua (*Baya Weaver*) atau nama saintifiknya *Ploceus philippus* telah dipilih sebagai burung ikonik bagi Putrajaya atas keunikannya dalam membina sarang yang berbeza daripada spesies burung lain khususnya dalam aspek rekabentuk dan kekemasan, serta bersifat komunal dalam membentuk komunitinya sendiri. Keunikan tersebut selari dengan Putrajaya yang dibangunkan sebagai sebuah bandar raya kondusif yang mementingkan pembentukkan komuniti mampan dan sejahtera.

Bagi mengukuhkan lagi produk *urban birding* Putrajaya, pelbagai program telah dilaksanakan PPj antaranya *Putrajaya Bird Race* dan Pertandingan Fotografi Burung di samping beberapa program lain yang akan dilaksanakan termasuk pembangunan *Bird Interpretive Centre*, *bird hides*, *bird feeding stations* dan *bird trail*, serta pakej-pakej pendidikan dan pelancongan yang berkaitan *urban birding*.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGKU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 25 Februari 2020